

→ SUKAN

Info

Pencapaian

April
→ Jaguh berbasikal trek negara, Azizulhasni Awang yang digelar 'The Pocket Rocketman' menjuarai acara keirin pada Kejohanan Berbasikal Trek Dunia di Hong Kong.

Jun
→ Skuad hoki lelaki negara meraih tiket

ke Piala Dunia 2018 di Bhubaneswar, India selepas layak ke peringkat suku akhir kempen Separuh Akhir Liga Hoki Dunia Jun lalu apabila membelah China 5-1 di London.

Julai
→ Cheong Jun Hoong (terjun) dinobatkan juara dunia acara 10 meter platform wanita pada Kejohanan Akuatik Dunia di Budapest.

Ogos
→ Sukan SEA Kuala Lumpur 2017 (KL2017). Kontinjen negara munculi juara keseluruhan dengan meraih 145 pingat emas, 92 perak dan 86 gangsa. Bertemakan "Bangkit Bersama", temasya ini berjaya menggamit rakyat memenuhi segenap penjuru stadium untuk memberi sokongan termasuk majlis perasmian dan penutup.


September
→ Temasya Sukan Para ASEAN ke-9 (Para KL2017) - Malaysia menamatkan saingan di tempat kedua dengan kutipan 90 pingat emas, 85 perak dan 83 gangsa iaitu 258 pingat secara keseluruhan.

Oktober
→ Wong Weng Son meraih gelaran juara dunia sukan wushu acara jianshu lelaki

→ SUKAN

(pedang) dengan jumlah mata keseluruhan 9.64 di Kejohanan Dunia yang berlangsung di Kazan, Russia.
→ Juara dunia bina badan, Mohd Syarul Azman Mahen Abdullah (**gambar**) mempertahankan gelaran Mr Universe pada Kejohanan Bina Badan Dunia dan Sukan Fizik di Mongolia.


November
→ Johor Darul Ta'zim (JDT)



membuktikan mereka raja bola sepak tanah air apabila merangkul kejuaraan Piala Malaysia buat julung kali selepas menewaskan juara bertahan Kedah 2-0 pada aksi final di Stadium Shah Alam pada 4 November.
→ Skuad bawah 19 tahun negara (B-19) menempah slot ke pusingan akhir Kejuaraan B-19 Konfederasi Bolasepak Asia (AFC) 2018

di Indonesia apabila mengesahkan kedudukan dalam kelompok lima naib juara terbaik pada kempen kelayakan.
→ Dua skuad muda bola sepak negara iaitu B-23 dan B-16 layak beraksi pada pusingan akhir AFC 2018 di mana pasukan kendalian Datuk Ong Kim Swee beraksi di China, sementara itu skuad Lim Teong Kim menjadi tuan rumah.

Disember
→ Skuad boling wanita negara - Shalin Zulkifli, Siti Safiyah Amirah Abdul Rahman, Syaيداتul Afifah Badrul Hamidi, Sin Li Jane dan Natasha Roslan menamatkan kemarau 10 tahun apabila memenangi pingat emas pada Kejohanan Boling Dunia di Las Vegas, Amerika Syarikat (AS).



Gelanggang gemilang

→ Sukan tanah air tutup tirai dengan penuh warna-warni

Oleh Mohd Azis Ngah, Azidan Bahar dan Syed Riduan Ahmad
bhsukan@bh.com.my

Kuala Lumpur

Dunia sukan tanah air menutup tirai musim 2017 dengan penuh warna-warni. Bermula dengan kejayaan Mohd Faiz Subri meraih Anugerah Puskas Persekutuan Bola Sepak Antarabangsa (FIFA) 2016 pada Januari 2017 yang meletakkan

nama Malaysia di peta dunia sukan, ia diakhiri dengan kontroversi mengejutkan apabila ketua jurulatih skuad elit terjun negara, Yang Zhuliang digugurkan.

Terpalit kontroversi
Kejayaan beberapa atlet dunia mencipta gelung selaku juara dunia, sukan negara tetap terpalit dengan kontroversi gagal ujian doping serta kemelut dalam persatuan yang sedikit mencemar kemeriahan tahun 2017. Berikut adalah ringkasan kejayaan, isu, kontroversi membabitkan sukan negara sepanjang tahun ini.

Info

Anugerah

Arena sukan tanah air menyaksikan atlet paralimpik dinobatkan sebagai Olahragawan Kebangsaan buat julung kalinya menerusi Abdul Latif Romly (olahragawan para)
→ Abdul Latif meraih pingat emas dan mencipta rekod baharu dunia dalam acara lompat jauh T20 pada temasya Sukan Paralimpik di Rio de Janeiro, Brazil, membolehkan beliau menjadi penerima anugerah tertinggi sukan negara itu.


Mohd Faiz Subri meraih Anugerah Puskas Persekutuan Bola Sepak Antarabangsa (FIFA) 2016.
→ Diumumkan pada 10 Januari 2017

dan menjadi penanda aras baharu dalam arena bola sepak tanah air untuk mencapai kecemerlangan di persada antarabangsa.

Isu dan kontroversi

→ **Atlet elit, Wendy Ng Yan Yee (terjun) gagal saringan doping** untuk bahan terlarang jenis sibutramine yang kebiasaannya terdapat dalam produk pelangsing badan ketika Sukan SEA Kuala Lumpur 2017.

→ **Mohd Hafizi Mansor (angkat berat) disahkan gagal ujian doping** memabatkan Oxymetholone, sejenis bahan steroid sintetik anabolik dan androgenik.



→ **S Kumar (penjaga gol hoki kebangsaan) - disahkan gagal ujian doping** ketika berlangsungnya Sukan Asia, pada Oktober 2017.

→ **Seorang jurulatih renang kebangsaan** yang terabit dalam program 'Kita Juara' pada KL2017 ditahan polis selepas didakwa merogol seorang atlet pada Oktober 2017.

→ **Litar Antarabangsa Sepang (SIC) menganjurkan perlumbaan terakhir** Kejuaraan Dunia Formula Satu (F1) sempena GP Malaysia pada 29 September hingga 1 Oktober 2017. Selepas beroperasi sejak 1999 sehingga 2017, kerajaan memutuskan untuk tidak meneruskan perlumbaan bagi musim 2018 kerana masalah kos.

→ **Kongres FAM ke-53 menyaksikan Tunku Mahkota Johor (TMJ), Tunku Ismail Sultan Ibrahim dilantik** sebagai Presiden baharu bagi penggal 2017-2021 selepas menang tanpa bertanding apabila pencabarnya, Tan Sri Annuar Musa, menarik diri.

→ **29 April 2017 - Kemelut 'gentleman agreement' untuk jawatan Presiden Persatuan Badminton Malaysia (BAM)** memabatkan dua calon, iaitu pemangku presiden, Tan Sri Mohamed Al Amin Abd Majid dan timbalannya, Datuk Seri Mohamad Norza Zakaria.

→ **Al Amin bersetuju dengan penyelesaian secara baik** untuk menyerahkan jawatan kepada Norza dan BAM melantik Mohamed Al Amin sebagai Penasihat BAM.

→ **Presiden Majlis Olimpik Malaysia (MOM), Tunku Tan Sri Imran Tuanku Ja'afar** mengumumkan berundur dan tidak akan bertanding merebut jawatan dalam pemilihan MOM Jun 2018 selepas 20 tahun berkhidmat.

→ **Menteri Belia dan Sukan Khairy Jamaluddin Abu Bakar** mengumumkan sukan angkat berat, sepahtakraw dan taekwondo digugurkan daripada 19 jenis sukan teras di bawah program Majlis Sukan Negara (MSN) bermula pada Sukan Malaysia (SUKMA) di Perak pada September depan.

→ **Kapten JDT, Safiq Rahim dikecam apabila mengeluarkan perkataan berbau lucah** di depan wakil media

yang sedang merakam detik manis kejayaan JDT menjuarai Piala Malaysia selepas mengatasi Kedah, 2-0 di Stadium Shah Alam pada 4 November lalu. Isu ini berlarutan ketika Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM) juga masih membusu mengenainya.

→ **Jodoh Nelo Vingada yang digelar 'The Professor' bersama skuad Harimau Malaya hanya bertahan enam bulan, enam hari** apabila jurulatih dari Portugal itu mengambil keputusan melepaskan jawatan disandangnya pada 6 Disember. Vingada dilantik secara rasmi pada 15 Mei tahun ini dan terus mengetahui pasukan menentang Lubnan dalam aksi kelayakan Piala Asia, namun

gagal meraih sebarang kemenangan dalam tujuh perlawanan. Penolongnya, Tan Cheng Hoe dilantik sebagai pengendali baharu.

→ **Akibat enggan mewakili negara ke pertandingan Piala Konfederasi Bolasepak Asia (AFC) musim depan**, Pahang dihukum dilarang daripada memohon Lesen Kelab AFC selama dua tahun oleh FAM (musim 2019, 2020).

→ **Ketua jurulatih skuad elit terjun negara, Yang Zhuliang tidak disambung kontrak** selepas dikatakan gagal membendung budaya tidak sihat dalam kem kebangsaan sehingga menjurus kepada kes rogol, gangguan seksual, ugutan, penderaan fizikal dan buli.